



اونيورسيتي مليسيا فهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN MIKROMOBILITI DI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN MIKROMOBILITI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi panduan mengenai tatacara penggunaan kenderaan mikromobiliti di dalam kawasan Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

Permintaan kepada penggunaan kenderaan mikromobiliti semakin meningkat di dalam kampus terutamanya dari aspek riadah, bersukan dan keperluan pengangkutan sendiri untuk jarak yang dekat seperti ke kuliah dan pejabat.

Penggunaan kenderaan mikromobiliti juga dilihat sebagai satu inisiatif dalam menyokong agenda Kampus Hijau yang mana penggunaan kenderaan mikromobiliti dijangka dapat mengurangkan jumlah pelepasan karbon di dalam kampus.

Oleh yang demikian, bagi memastikan penggunaan kenderaan mikromobiliti ini selamat, mematuhi peraturan jalan raya dan memenuhi objektif kepenggunaannya, satu peraturan atau garis panduan perlu diwujudkan.

3.0 TAFSIRAN

3.1 **“Kenderaan Mikromobiliti”** ertinya mana-mana kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia atau gabungan sumber elektrik elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia dan mempunyai kelajuan maksimum 50km/j.

3.2 **“Pengguna”** ertinya mana-mana individu yang menggunakan kenderaan mikromobiliti di dalam kawasan Universiti.

4.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

4.1 Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada mana-mana individu yang berada di dalam kawasan Universiti.

4.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca dan dipakai bersama-sama dengan peruntukan undang-undang lalu lintas jalan iaitu:

- a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333): Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021;


- b) Pekeliling Pentadbiran UMP Bil.11 Tahun 2016: Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan 2016 Universiti Malaysia Pahang;
- c) Kaedah Tatatertib Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009; dan
- d) Lain0lain undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

5.0 KATEGORI KENDERAAN MIKROMOBILITI YANG DIBENARKAN DI DALAM KAWASAN UNIVERISITI

Berikut adalah kategori kenderaan mikromobiliti yang dibenarkan penggunaannya di dalam kawasan Universiti:

a) Basikal

- i. Kenderaan dipacu oleh kuasa manusia;
- ii. mempunyai pedal bagi tujuan kayuhan, kawalan pecutan dan kelajuan;
- iii. mempunyai satu atau dua tempat duduk;
- iv. mempunyai satu (*unicycle*), dua atau tiga (*tricycle*) buah tayar; dan
- v. menggunakan palang pemegang dan/atau gerakan anggota badan untuk kawalan pandu arah.
- vi. Contoh basikal adalah seperti berikut:



b) Basikal Elektrik / e-Bike / Power Assisted Bicycle (PAB)

- i) Kenderaan dipacu oleh kuasa manusia dan/atau elektrik;
- ii) sumber tenaga elektrik adalah daripada bateri yang dipasang pada mana-mana badan basikal;

- iii) mempunyai pedal dan pendikit atau alat lain untuk kawalan pecutan dan/atau kelajuan;
- iv) had kelajuan tidak melebihi 25km/j;
- v) mempunyai satu atau dua tempat duduk; dan
- vi) menggunakan palang pemegang dan/atau gerakan anggota badan untuk kawalan pandu arah.
- vii) Contoh basikal elektrik / e-Bike / *Power Assisted Bicycle* (PAB) adalah seperti berikut:



c) Moped

- i) Kenderaan dipacu dengan kuasa elektrik atau enjin pembakaran dalaman yang berisipadu tidak melebihi 50cm³ atau kedua-duanya;
- ii) dipasang suatu pendikit atau kaedah lain bagi kawalan pecutan dan kelajuan;
- iii) dipasang dengan suatu tempat duduk pengguna dan boleh juga dipasang dengan tempat duduk penumpang;
- iv) mempunyai dua atau tiga roda;
- v) dilengkapi dengan pedal untuk kayuhan, sama ada pedal yang dipasang kekal atau boleh ditanggalkan;
- vi) berat tanpa muatan tidak melebihi 150kg; dan
- vii) kelajuan tidak melebihi 50km/j.

viii) Contoh kendaraan adalah seperti berikut:



d) *Personal Mobility Devices (PMD) - Kuasa Manusia*

- i) Kendaraan yang dipacu oleh kuasa manusia;
- ii) tidak mempunyai pedal bagi tujuan kayuhan, pecutan dan/atau kelajuan;
- iii) dipasang dengan suatu tempat duduk atau suatu pelantar untuk berdiri bagi pengguna dan boleh juga dipasang dengan suatu tempat duduk atau suatu pelantar untuk berdiri bagi penumpang; dan
- iv) kawalan pandu arah sama ada menggunakan palang pemegang atau gerakan badan atau gerakan anggota badan.
- v) Contoh kendaraan adalah seperti berikut:



e) *Personal Mobility Devices (PMD) - Kuasa Elektrik Atau Enjin Pembakaran Dalam*

- i) Kendaraan dipacu oleh kuasa elektrik atau enjin pembakaran dalam yang mempunyai isipadu silinder tidak melebihi 50cm³ atau keduanya;
- ii) mempunyai pendikit atau kaedah lain bagi tujuan kawalan pecutan dan kelajuan;

- iii) dipasang dengan suatu tempat duduk atau suatu pelantar untuk berdiri bagi pengguna dan boleh juga dipasang dengan suatu tempat duduk atau suatu pelantar untuk berdiri bagi penumpang;
- iv) tidak mempunyai pedal bagi tujuan kayuhan, pecutan dan/atau kelajuan;
- v) kawalan pandu arah sama ada menggunakan palang pemegang atau gerakan badan atau gerakan anggota badan;
- vi) had kelajuan tidak melebihi 25km/j;
- vii) berat tanpa muatan tidak melebihi 50kg; dan
- viii) lebar keseluruhan kenderaan termasuk badan kenderaan, peralatan dan aksesori tidak melebihi 700mm.
- ix) Contoh kenderaan adalah seperti berikut:



f) *Personal Mobility Aids (PMA)*

- i) Kenderaan dipacu oleh kuasa manusia atau kuasa elektrik atau enjin pembakaran dalaman yang mempunyai isipadu silinder tidak melebihi 50cm³ atau kedua-duanya;
- ii) mempunyai pendikit atau kaedah lain bagi tujuan kawalan pecutan dan kelajuan;

- iii) dipasang dengan suatu tempat duduk pengguna serta/dan boleh juga dipasang dengan tempat duduk untuk penumpang;
- iv) kawalan pandu arah sama ada menggunakan palang pemegang atau kayu kawalan;
- v) had kelajuan tidak melebihi 25km/j;
- vi) berat tanpa muatan tidak melebihi 50kg; dan
- vii) reka bentuk kenderaan dibina khusus untuk kegunaan individu yang cacat atau mempunyai masalah pergerakan.
- viii) Contoh kenderaan adalah seperti berikut:



6.0 LALUAN YANG DIBENARKAN UNTUK PENGGUNAAN KENDERAAN MIKROMOBILITI DI DALAM KAWASAN UNIVERSITI

Jenis-jenis laluan yang dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti adalah seperti berikut:

a) Jalan

- i) Jalan adalah laluan, ruang atau lorong khas yang berturap dan direka bentuk atau disediakan oleh pihak universiti khusus untuk kegunaan kenderaan bermotor.
- ii) Semua jalan yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti **kecuali *Personal Mobility Aids (PMA)***.
- iii) Walau bagaimanapun, kenderaan mikromobiliti yang menggunakan jalan hendaklah sentiasa mengikut arah lalu lintas jalan dan berada di sebelah paling kiri jalan.
- iv) Contoh jalan yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah seperti berikut:



b) Laluan Pejalan Kaki

- i) Laluan pejalan kaki boleh ditakrifkan sebagai laluan, jalan, ruang, kaki lima, lorong khas berturap yang direka bentuk dan disediakan sama ada berbumbung atau tidak berbumbung khusus untuk kegunaan pejalan kaki.
- ii) Semua laluan pejalan kaki yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti **kecuali** moped.

- iii) Walau bagaimanapun, pengguna kenderaan mikromobiliti yang menggunakan laluan pejalan kaki hendaklah sentiasa mengutamakan pejalan kaki.
- iv) Contoh laluan pejalan kaki yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah seperti berikut:



c) Laluan Kecemasan

- i) Laluan kecemasan direka bentuk atau disediakan oleh pihak universiti untuk memudahkan pasukan agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, ambulans, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan dan sebagainya untuk melaksanakan tugas atau operasi ketika berlaku kecemasan.
- ii) Semua laluan kecemasan yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti.
- iii) Walau bagaimanapun, pengguna kenderaan mikromobiliti yang menggunakan laluan kecemasan hendaklah sentiasa mengutamakan dan memberikan laluan untuk penggunaan oleh pasukan agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, ambulans, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan.

- iv) Contoh laluan kecemasan yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah seperti berikut:





d) Laluan Khas Basikal

- i) Laluan khas basikal adalah laluan, jalan, ruang atau lorong khas yang direka bentuk atau disediakan oleh pihak universiti khusus untuk kegunaan penunggang basikal.
- ii) Semua laluan khas basikal yang terdapat di dalam kawasan universiti adalah dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti kecuali **moped**.
- iii) Walau bagaimanapun, pengguna kenderaan mikromobiliti yang menggunakan laluan khas basikal hendaklah sentiasa mengutamakan penunggang basikal.
- iv) Contoh laluan khas basikal yang terdapat di kawasan universiti adalah seperti berikut:



Berikut adalah ringkasan kebenaran penggunaan kenderaan mikromobiliti berdasarkan laluan yang dibenarkan:

KATEGORI KENDERAAN MIKROMOBILITI DAN LALUAN YANG DIBENARKAN PENGGUNAANNYA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG				
Mikromobiliti Laluan	Basikal / Power Assisted Bicycle (PAB)	Moped	Personal Mobility Device (PMD)	Personal Mobility Aids (PMA)
Jalan (bahagian paling kiri)				
Laluan Pejalan Kaki				
Laluan Kecemasan				
Laluan Khas Basikal				

6.0 HAD LAJU

Kelajuan yang ditetapkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti di laluan khas basikal, laluan kecemasan dan laluan pejalan kaki ialah **tidak melebihi 20km/j** manakala kenderaan mikromobiliti yang menggunakan jalan harus mematuhi had kelajuan yang telah ditetapkan di dalam kawasan Universiti iaitu **tidak melebihi 40km/j**.

7.0 PERATURAN AM

Setiap pengguna harus mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut ketika menggunakan kenderaan mikromobiliti di dalam kawasan kampus:

- Hanya kenderaan mikromobiliti yang disenaraikan di dalam Garis Panduan ini sahaja dibenarkan penggunaannya di dalam kawasan Universiti.
- Pengguna dilarang menggunakan telefon bimbit semasa menggunakan kenderaan mikromobiliti.
- Pengguna hendaklah berhenti dan memerhatikan keadaan lalu lintas sebelum menyeberangi jalan.

- d) Pengguna hendaklah memberikan keutamaan laluan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), pejalan kaki dan kenderaan pasukan agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, ambulans, Pusat Kesihatan Universiti dan Bahagian Keselamatan.
- e) Pengguna hendaklah mematuhi had laju kenderaan mikromobiliti yang dibenarkan di Universiti dan perlahankan kenderaan apabila berhampiran dengan pengguna jalan yang lain.
- f) Pengguna hendaklah menyorong atau menolak kenderaan mikromobiliti yang digunakan apabila melalui tempat yang sesak atau laluan yang tidak dibenarkan untuk kenderaan mikromobiliti.
- g) Pengguna hendaklah sentiasa rapat di sebelah paling kiri jalan melainkan ketika hendak memotong.
- h) Pengguna hendaklah memastikan memandu pada jarak selamat dengan pengguna jalan yang lain.
- i) Pengguna hendaklah memastikan berada dalam keadaan mudah dilihat oleh pengguna jalan yang lain.
- j) Pengguna hendaklah memakai peralatan perlindungan diri yang bersesuaian.
- k) Pengguna hendaklah sentiasa menggunakan isyarat tangan ketika hendak membelok atau menukar laluan.
- l) Pengguna tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam kawasan Universiti.
- m) Pengguna hendaklah memastikan kenderaan mikromobiliti yang digunakan diletakkan atau disimpan di tempat yang sepatutnya.
- n) Pihak berkuasa keselamatan berhak untuk melarang mana-mana pemilik kenderaan mikromobiliti daripada menggunakannya di dalam kampus sekiranya melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan.
- o) Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2016: Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan 2016 Universiti Malaysia Pahang adalah dipanjangkan bagi penggunaan kenderaan mikromobiliti di kawasan Universiti dan terpakai setakat mana yang berkenaan bagi kenderaan mikromobiliti.

8.0 PENGECUALIAN

Universiti hendaklah mempunyai kuasa pada bila-bila masa untuk mengubah kebenaran penggunaan jalan/laluan atau kenderaan mikromobiliti di kawasan Universiti bagi sebarang acara, program atau aktiviti-aktiviti khusus yang dilaksanakan dalam kawasan Universiti.

9.0 PINDAAN

Pindaan kepada garis panduan ini boleh dibuat dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Tertinggi Universiti.

Tarikh pemakaian peraturan ini berkuatkuasa adalah pada hari yang sama ianya diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

10.0 KUATKUASA

Tarikh Garis Panduan ini berkuatkuasa adalah pada hari yang sama ianya diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.